

## PENDEKATAN PEMBELAJARAN BERBANTUKAN TEKNOLOGI DARI PERSPEKTIF MURID TERPINGGIR SEWAKTU PANDEMIK COVID19

### *ASSISTED LEARNING VIA TECHNOLOGY APPROACH FROM THE MARGINALISED PUPILS' PERSPECTIVE DURING COVID 19 PANDEMIC*

Badariah Duai<sup>1</sup>  
Nurfaradilla Mohd Nasri<sup>2</sup>

1Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Malaysia,  
(E-mail: wah2113@gmail.com)

2Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Malaysia,  
(E-mail: nurfaradilla@ukm.edu.my)

#### Article history

**Received date** : 27-2-2021  
**Revised date** : 28-2-2021  
**Accepted date** : 6-4-2021  
**Published date** : 6-4-2021

#### To cite this document:

Duai, B., Mohd. Nasri, N. (2021). Pendekatan Pembelajaran Berbantuan Teknologi dari Perspektif Murid Terpinggir Sewaktu Pandemi Covid19. *Jurnal Penyelidikan Sains Sosial (JOSSR)*, 4(10), 134 - 147.

---

**Abstrak:** Arus teknologi yang semakin canggih dan pesat mengubah medium pembelajaran kini. Penggunaan teknologi diterapkan dalam aktiviti pembelajaran dan pengajaran disekolah. Pandemi COVID-19 yang melanda negara telah mengubah medium pengajaran guru kepada pembelajaran dirumah. Hal ini menyebabkan, pendekatan pembelajaran berbantuan teknologi dilaksanakan. Guru-guru menggunakan pelbagai pelantar pembelajaran dalam memastikan pembelajaran dapat dilaksanakan dari rumah. Namun begitu, tidak semua murid-murid mempunyai akses yang baik terhadap pembelajaran berbantuan teknologi terutamanya murid –murid terpinggir kerana kekangan ekonomi keluarga. Murid-murid terpinggir ini terpaksa berkongsi alat peranti bersama ibubapa atau adik beradik yang lain. Keadaan ini menyukarkan mereka untuk turut serta dalam pembelajaran berbantuan teknologi dengan baik. Kajian kuantitatif berbentuk kajian tinjauan dijalankan bagi kajian ini. Terdapat dua objektif kajian ini dijalankan iaitu, untuk mengetahui persepsi pelajar terpinggir terhadap pembelajaran berbantuan teknologi serta mengetahui perbezaan persepsi pelajar berdasarkan faktor demografi (jantina). Sampel seramai 70 orang murid tingkatan 1 miskin bandar dari tiga buah sekolah menengah yang menerima Kumpulan Wang Amanah Miskin Pelajar (KWAMP) di bandar Kota Kinabalu Sabah dipilih bagi menjawab instrument soal selidik yang telah disediakan. Data dianalisis menggunakan Statistical Package for Science Social (SPSS) untuk pemerihal data deskriptif dan inferensi. Statistik deskriptif digunakan untuk melihat kekerapan dan peratusan. Statistik inferensi melibatkan ujian T untuk menjawab hipotesis kajian. Dapatan kajian mendapati murid –murid terpinggir bersedia mengikuti pembelajaran atas talian yang dijalankan oleh guru namun murid-murid terpinggir lebih cenderung kepada pembelajaran bersemuka didalam kelas. Selain itu, dapatan kajian turut menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan ( $p > 0.05$ ) bagi perbezaan perspektif murid terpinggir terhadap pembelajaran berbantuan teknologi berdasarkan fakto

*jantina. Kajian selanjutnya boleh diperkembangkan lagi dengan memperluaskan lagi kawasan lokasi kajian dan tidak menghadkan kepada murid tingkatan 1 sahaja.*

**Kata Kunci:** *Murid Terpinggir, Pembelajaran Berbantuan Teknologi, Covid-19*

**Abstract:** *Nowadays, rapid flow of the technology is changing the current medium of learning. The application of technology had been implemented in the process of teaching and learning in school. Due to the pandemic of COVID-19 urge teachers to change their medium of teaching to teach from home. This causes the approach of learning assisted by technology took place. Teachers were using several of online learning platforms to ensure the pupils were able to learn. However, not every pupil was accessible to the online learning especially the marginalized pupils due to the family economical background. The marginalized pupils have to share the smartphones among their family members. This difficult situation makes it hard for them to involve in the learning session. A quantitative research in a form of survey study had been carried out. From this research, there were two objectives that had been fulfilled which are to find out the marginalized pupils perspectives towards learning assisted by technology as well as to know the differences in pupils' perspective based on their gender. There were 70 urban poor pupils of form 1 who received the poor student trust fund (KWAMP) from three selected secondary schools in Kota Kinabalu to answer the questionnaire that had been provided. The data analysis had been carried out through Statistical Package for Science Social (SPSS) for the descriptive and inferential data. Descriptive statistic was used to display frequency and percentage of the data. Meanwhile, t-test was used in answering the hypothesis of the research. The findings show pupils are ready to learn through online learning however pupils were likely to have face-to face interaction in the classroom. Apart from that, the findings from the t-test shows that there were no significant differences in marginalized pupils perspective based on their gender as ( $p > 0.05$ ). As for the purpose of further research, the area of the research should be expand to other area and the sample involved should not be restricted to Form 1 pupils only.*

**Keywords:** *(Marginalized Pupils, Assisted Technology Learning Approach, Covid-19*

---

## **Pengenalan**

Pada abad ke-21 ini, pengajaran dengan kaedah kapur dan papan tulis tidak lagi relevan kini Alizah Lambri & Zamri Mahamod (2015). Maka, kaedah pembelajaran bolehlah beralih kepada alatan teknologi seperti menggunakan komputer atau komputer riba (laptop), peralatan audio-visual, paparan skrin LCD dan sebagainya. Melalui kaedah pedagogi ini, minat murid dapat difokuskan serta terlibat secara aktif sewaktu sesi pembelajaran dan pengajaran (PdP) dilaksanakan. Kajian Halim & Hashim (2019) mendapati manfaat menjalankan pembelajaran berbantuan teknologi antaranya, kemahiran komunikasi, penglibatan didalam kelas serta keyakinan diri dapat ditingkatkan. Tambahan itu, Morat et al. (2016) turut sependapat dengan hasil kajian tersebut. Mereka mendapati, melalui pelaksanaan pembelajaran berbantuan teknologi dengan aktiviti yang menyeronokkan dan menarik dapat meningkatkan motivasi murid.

Seiringan dengan zaman digital teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang semakin canggih, penerapan teknologi dalam pembelajaran telah diperkenalkan serta diperluaskan penggunaannya melalui penerapan teknologi sebagai salah satu alat bantu mengajar di sekolah.

Kini, murid-murid mudah mendapat pendedahan terhadap pelbagai perkembangan dan maklumat yang berada diluar sana dengan amat pantas. Hal ini berikutan, mendorong murid memperoleh maklumat di hanya hujung jari tanpa sebarang sekatan Mohd. Noorhadi & Zurinah Tahir (2017). Para pelajar boleh mendapatkan segala informasi, maklumat yang ingin ditemui. Generasi Z yang lahir dalam era digital ini terdedah luas dengan kepesatan dan kepantasan teknologi maklumat.

Untuk itu, salah satu aspirasi sistem yang menjadi landasan transformasi pendidikan di Malaysia yang terdapat didalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (PPPM 2013-2025), ialah ekuiti; penyediaan pendidikan berkualiti terhadap setiap kanak-kanak tanpa diskriminasi terhadap geografi, jantina, ataupun latar belakang sosioekonomi mereka. Matlamat ini selaras dengan Unesco berkaitan dengan *Sustainable Development Goal* (SDG4), yang menyarankan pendidikan berkualiti yang saksama dan terangkum serta peluang pembelajaran sepanjang hayat untuk semua menjelang tahun 2030. Matlamatnya menekankan ekuiti dan keterangkuman sebagai asas kepada pendidikan dan pembelajaran yang berkualiti, Timbalan Ketua Pengarah Unesco, Qiang Thang Phd seperti yang tertera didalam Laporan Tahunan 2017 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia Unit Pelaksanaan dan Prestasi Pendidikan (2018). Gelombang kedua PPPM 2013-2015 memfokuskan kepada memacu peningkatan sistem. Salah satu transformasi yang ditekankan dalam gelombang ini ialah, untuk menangani isu kapasiti berdasarkan pelaksanaan inovasi ICT untuk sekolah pedalaman, sekolah kurang guru dan sekolah kurang murid. Hasil terhadap perlaksanaan gelombang kedua ini, boleh dilihat melalui Laporan Pelan Pembangunan Pendidikan 2017. Berdasarkan Laporan Tahunan 2017 Pelan Pembangunan Pendidikan, dalam usaha untuk menyediakan jalur lebar bagi mengoptimalkan kualiti pembelajaran, antara langkah yang diambil ialah, pertama, menghubungkan sekolah dengan 1BestariNet, sebanyak 9,459 sekolah yang terlibat untuk tahun 2017, jumlah ini meningkat berbanding tahun 2016, iaitu 8,604. Manakala langkah kedua ialah, kemudahan Jalur Lebar 4G sebanyak 7,696 sekolah mendapat manfaat ini. Justeru, pembelajaran berbantuan teknologi telah lama direalisasikan melalui sekolah. Oleh itu, kajian ini dijalankan dari sudut perspektif murid terpinggir mengenai pembelajaran berbantuan teknologi yang mereka hadapi sewaktu tempoh berkurang di rumah sewaktu pandemik Covid-19.

### **Persoalan Kajian**

- 1) Apakah perspektif murid terpinggir terhadap pembelajaran berbantuan teknologi?
- 2) Apakah terdapat perbezaan perspektif murid terpinggir terhadap pembelajaran berbantuan teknologi berdasarkan faktor jantina?

### **Kajian Literatur**

#### **Penggunaan Teknologi dalam Sistem Pendidikan di Malaysia**

Kemajuan teknologi membantu manusia dalam pelbagai aspek. Dalam bidang pendidikan, teknologi banyak digunakan dalam membantu pelaksanaan pembelajaran secara efektif. Oleh itu, keperluan terhadap ICT dalam dunia pendidikan tidak asing lagi Idrus & Salleh (2017). Inovasi teknologi mencetuskan revolusi terhadap perkembangan mengaplikasikan teknologi dalam pendidikan. Ebrahimi (2016) menyatakan guru kini sedar akan penggunaan teknologi dalam pembelajaran dapat membantu proses pengajaran dan pembelajaran serta memudahkan penggunaannya.

Berdasarkan kaji selidik yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia 2010, telah mendapati tahap penggunaan *Information and Communication Technology* (ICT) di sekolah-sekolah Malaysia, 80% guru-guru di Malaysia mengaplikasikan ICT kurang daripada satu jam setiap minggu. Manakala (Bahagian Pembangunan Kurikulum 2012) mendapati sejumlah satu pertiga daripada pelajar menyatakan penggunaan ICT kerap digunakan oleh guru mereka. Disamping itu, dalam laporan awal Pelajaran Malaysia Rangka Tindakan 2013-2025 yang dijalankan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (2012) pembuktian ICT dalam menggalakan kemahiran; kreativiti, pemikiran kritikal dan penyelesaian masalah tidak dapat dibuktikan

Senario ini memperlihatkan penerapan ICT dikalangan guru berada pada skala yang perlahan. Oleh itu, usaha kerajaan perlu ditingkatkan lagi bagi menjadikan teknologi medium utama dalam meningkatkan keberkesanan pengurusan sekolah serta menjadikan proses pembelajaran dan pengajaran menjadi interaktif di masa yang akan datang.

### **Murid Terpinggir**

Berdasarkan faktor peluang ekonomi yang terhad, tahap pendidikan rendah dan ketidakcukupan tempat tinggal antara lain telah menyebabkan ada penduduk bandar yang tersisih daripada pembangunan perdana yang berlaku. Murid terpinggir tidak dapat mengikuti pembelajaran berasaskan teknologi kerana faktor ekonomi keluarga. (Unicef 2018). Oleh sebab itu, golongan ini terpinggir serta gagal menikmati segala kemudahan. Berdasarkan palarasan saiz isi rumah, Unicef (2018) mendapati kadar perbandingan kemiskinan kanak-kanak ini mencecah seratus peratus. Tambahan itu, Unicef turut mendapati 8 dalam 10 kanak-kanak pinggiran belajar di ruang tamu. Ini menunjukkan suasana kurang kondusif bagi pelajar terpinggir ini untuk belajar sendiri. Hassan (2015) mendakwa kesan kemiskinan boleh dilihat melalui keupayaan sesebuah keluarga untuk mendiami ataupun memiliki rumah selesa akan menjejaskan proses pembesaran anak-anak keluarga terbabit. Tambah Wan Nor Azriyati et.al (2011), mendapati, majoriti kemiskinan bandar menunjukkan ciri-ciri yang sama; bekerja sendiri dan tahap pendidikan yang rendah. Keadaan kemiskinan ini menunjukkan bahawa kekurangan yang dihadapi oleh seseorang individu khususnya dari aspek pendapatan dan harta benda menjadi punca kepada keadaan sukar mereka untuk terus melangsungkan kehidupan seharian dengan lebih selesa. Oleh itu, bagi kajian ini, murid terpinggir tergolong dalam murid-murid yang menerima bantuan kumpulan bantuan kumpulan wang amanah pelajar miskin (KWAMP). Antara kriteria pemilihan bagi menerima KWAMP ialah Ketua Isi Rumah (KIR) berdaftar dengan sistem eKASIH atau disahkan disahkan berada pada status Miskin atau Miskin Tegar sahaja. Selain itu, Pendapatan Isi Rumah untuk murid Data Sedia Ada (DSA) adalah berdasarkan Paras Garis Kemiskinan (PGK) Nasional semasa. Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) ialah pendapatan isi rumah yang ditetapkan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (EPU, JPM) bersandarkan Laporan Survei Isi Rumah Dan Kemudahan Asas (HIS&BA) 2019 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). PGK digunakan sebagai pengukuran kepada status kemiskinan bagi isi rumah yang berdaftar dengan Sistem eKasih. Berdasarkan laporan tersebut, pendapatan isi rumah dibahagikan kepada tiga kumpulan utama iaitu Terendah 40% (B40), Pertengahan 40% (M40) dan Tertinggi 20% (T20). Kumpulan isi rumah B40 merujuk kepada isi rumah yang berpendapatan kurang daripada RM4,850 sebulan. Kemiskinan ini juga didefinisikan sebagai kegagalan dalam perolehan pendapatan yang stabil mengikut spesifikasi piawai yang telah digariskan dalam indeks kemiskinan negara Wang (2004). Kemiskinan ini turut dilihat sebagai suatu halangan besar kepada seseorang individu itu untuk

mendapatkan peluang pendidikan yang sempurna. Senario ini menyebabkan anak-anak terpaksa berfikir mengenai pelbagai aspek dek kekangan ekonomi ibubapa yang tidak mampu menyediakan perbelanjaan untuk mengikuti peringkat pengajian tahap yang tinggi Dunn, Dale & Karen (2004). Justeru, kecenderungan tinggi untuk kitaran kemiskinan ini akan sentiasa berterusan sekiranya tiada perubahan yang berlaku. Ini membuktikan faktor kemiskinan itu telah menyebabkan berlakunya kekangan kepada perkembangan pendidikan kepada individu.

Jika dilihat dari aspek pendidikan, kajian mengenai golongan murid –murid terpinggir ini sukar untuk didapati. Sementelahan itu, kajian dari aspek miskin bandar, Mohd Fadzil & Ishak (2007) membuktikan, pelbagai permasalahan wujud di bandar yang dicituskan oleh kemiskinan; pengabaian terhadap pendidikan kanak, peningkatan kes jenayah serta masalah sosial dan juga pelbagai permasalahan pencemaran alam sekitar. Kajian ini mendakwa pengabaian terhadap pendidikan murid terpinggir turut berlaku dek kemiskinan yang dihadapi.

### **Penggunaan Teknologi dalam Pembelajaran Murid Terpinggir**

Antara kajian mengenai penggunaan teknologi dalam pembelajaran pelajar terpinggir boleh dilihat melalui kajian tentang penyediaan modul teknologi dan maklumat khusus kepada pelajar menengah miskin bandar Siti Hajar & Hamidah (2016). Objektif kajian ini ialah mendapatkan 24 orang pandangan pakar untuk menghasilkan modul pengajaran untuk pelajar menengah miskin bandar. Hasil daripada kajian ini, bagi murid menengah miskin bandar dengan penggunaan TMK yang sesuai dapat diwujudkan meliputi 5 aspek dalam modul pendidikan ini; pengajaran kewangan, pengajaran berkaitan status, pengajaran keupayaan, dan pengajaran kerohanian. Hasil daripada para pakar juga mencadangkan kerangka kerja baru untuk merancang modul untuk murid-murid sekolah menengah yang memerlukan ICT. Kajian yang menyentuh kepada pembelajaran murid terpinggir khususnya amat jarang didapati.

Kajian mengenai penggunaan teknologi dalam pembelajaran banyak dijalankan kepada pelajar sekolah menengah. Antaranya, kajian Nur Aisyah et al. (2012), seramai 122 orang responden pelajar Tingkatan 1 hingga 3 di sebuah sekolah menengah di Muar terlibat dalam kajian ini. Hasil kajian mendapati pembelajaran berbantuan komputer mampu meningkatkan motivasi pelajar dalam mencapai hasil pembelajaran disamping meningkatkan pemahaman pelajar dalam pembelajaran Bahasa Melayu khusus kepada elemen sastera. Selain daripada itu, terdapat kajian yang dijalankan di peringkat pengajian tinggi menyasarkan siswa dan siswi. Kajian tinjauan oleh Ahmad Johari & Norbaizura (2010) yang berfokuskan kepada kesediaan pelajar terhadap pelaksanaan e-pembelajaran dari aspek minat, serta sikap pelajar yang menyebabkan masalah penggunaan e-pembelajaran. 118 responden dari Fakulti Pendidikan dan Kejuruteraan Mekanikal Universiti Teknologi Malaysia Skudai, Johor telah dipilih. Hasil kajian dinyatakan bahawa tahap kesediaan adalah tinggi. responden kajian sebanyak .75 peratus menyatakan mereka bersetuju tentang pandangan mereka melalui faktor yang telah dikenal pasti; minat. Selain itu, melalui kajian tinjauan yang dilaksanakan oleh Gavin (2019) terhadap 235 pelajar Cina mengenai pilihan yang digemari untuk menggunakan alat atau sumber dalam talian mendapati, pelajar aktif mengakses dan menggunakan teknologi untuk melakukan latihan mendengar, membaca, menulis dan bercakap melalui lagu, menggunakan penulisan perisian penilaian automatik, audio berita, menonton klip video, melayari laman web serta media sosial. Seterusnya, bagi kajian mengenai penggunaan teknologi di kalangan murid boleh dilihat melalui hasil kajian Rana Hamzah & Zamri Mahamod (2017), penggunaan yang menggunakan Google Plus dalam pengajarannya dapat meningkatkan kemahiran murid dalam berbahasa. Tambahan itu, Musrifah Sarjoni dan Jamaludin (2015) yang turut menggunakan Google Plus,

menunjukkan bahawa pencapaian akademik murid turut meningkat. Tambahan itu, kajian Mohd Aris (2007) mendapati pencapaian akademik mata pelajaran Geografi amat memberangsangkan sama ada pelajar di bandar atau pelajar luar bandar.

Justeru, kajian yang berfokus tentang pembelajaran berbantuan teknologi terhadap murid terpinggir yang berada di sekolah menengah adalah amat jarang untuk ditemui dalam konteks pendidikan Malaysia.

### **Metodologi Kajian**

Reka bentuk kajian yang dipilih untuk melaksanakan kajian ini ialah kajian tinjauan. (Robinson 1988) mendakwa, melalui penyelidikan yang berbentuk tinjauan ia berupaya untuk mengenal pasti ciri-ciri sebenar sesuatu aspek yang dikaji serta dapat menghasilkan kajian yang berkualiti. Creswell (2008) turut menegaskan bahawa kajian tinjauan merupakan contoh kajian kuantitatif dimana pengkaji menjalankan tinjauan ke atas sampel atau seluruh populasi orang untuk menggambarkan sikap, pendapat, tingkah laku, atau ciri-ciri dalam populasi tersebut. Langkah-langkah dalam kajian ini ialah pengkaji melakukan tinjauan ke atas sampel dan populasi.

Populasi kajian ini hanya tertumpu pada murid-murid Tingkatan 1 yang berada di daerah Kota Kinabalu. Sebanyak tiga sekolah menengah telah dipilih kerana lokasinya yang berada dekat dengan pusat bandar iaitu, SMK Sanzac, SMK Maktab Sabah, dan SMK Agama Kota Kinabalu. Murid-murid yang dipilih sebagai sampel kajian ialah murid-murid yang menerima bantuan kumpulan bantuan kumpulan wang amanah pelajar miskin (KWAMP). Hal ini kerana, KWAMP hanya dikhaskan kepada murid Tingkatan 1 sahaja. Tambahan pula, murid-murid yang menduduki peperiksaan awam tidak di benarkan oleh pihak Bahagian Perancangan Pendidikan Malaysia (EPRD). Mohd Najib (2003) menyatakan bahawa sampel merupakan sumber bagi mendapatkan data. Hal ini kerana keseluruhan populasi diwakili oleh sampel. Soal selidik ini di adaptasi daripada kajian R. Radha et al. (2020) tentang e-pembelajaran sewaktu pandemik COVID-19: Perspektif Global, mengikut kesesuaian kajian dan kehendak kajian. Borang soal selidik yang diberikan kepada responden mengandungi tiga bahagian iaitu bahagian A mewakili demografi responden dan bahagian B mewakili perspektif murid serta bahagian C mewakili platform teknologi yang digunakan dalam pembelajaran. Terdapat 10 item dalam bahagian B dan 2 item dalam bahagian C.

Instrumen soal selidik telah diuji kesahan dan kebolehpercayaan. Kesahan merupakan konsep yang penting dalam konteks pengukuran sesuatu konstruk. Menurut Azizi Yahya et al. (2017) kesahan sesuatu pengukuran itu bergantung kepada sejauh mana ia berjaya mengukur apa yang hendak diukur. Kesahan bagi item soal selidik ini telah ditentukan pakar dalam bidang berkaitan. Segala teguran dan panduan yang diberikan oleh pakar digunakan bagi membuat penambahbaikan kepada instrument yang digunakan. Kebolehpercayaan instrument kajian pula ditentukan melalui kajian rintis. Kajian rintis perlu dijalankan bagi mengurangkan ralat dalam kajian sebenar kerana kebolehpercayaan dan kesahan soal selidik yang digunakan perlu diuji terlebih dahulu. Yunus (2015) menyatakan kajian rintis dilakukan untuk mengukur ketekalan ukuran setiap item soalan soal selidik. Kajian rintis ini telah dijalankan terhadap salah sebuah sekolah menengah yang berada di Kudat, Sabah. Nilai Cronbach Alpha yang diperolehi bagi kesemua instrumen yang digunakan adalah 0.859 seperti Jadual 1. Ini menunjukkan instrument berada dalam keadaan sangat baik dan efektif dengan tahap konsisten yang tinggi (Bond & Fox, 2015) seterusnya boleh digunakan dalam penyelidikan yang sebenar.

**Jadual 1: Jadual Interpretasi Skor Alpha Cronbach (Bond & Fox, 2015)**

Skor Alpha Cronbach	Tahap Kebolehpercayaan
0.8 hingga 1.0	Sangat baik dan efektif dengan tahap konsisten yang tinggi
0.7 hingga 0.8	Baik dan boleh diterima
0.6 hingga 0.7	Boleh diterima
< 0.6	Item perlu diperbaiki
<0.5	Item perlu digugurkan

Dalam konteks kajian ini, penganalisan data dilakukan melibatkan data berbentuk kuantitatif. Data yang diperoleh daripada soal selidik akan dianalisis melalui perisian *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS). Data yang dikumpul akan dianalisis secara deskriptif dengan menggunakan frekuensi, peratusan, min dan sisihan piawai.

## Hasil dan Perbincangan Kajian

### Objektif Kajian 1

Mengetahui perspektif murid terpinggir terhadap pembelajaran berbantuan teknologi.

Dapatan data soal selidik ini dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu demografi responden, perspektif murid terpinggir terhadap pembelajaran berbantuan teknologi, serta platform pembelajaran berbantuan teknologi yang digunakan oleh murid-murid. Berdasarkan analisis soal selidik ini adalah untuk menjawab persoalan kajian yang pertama.

**Jadual 2: Demografi Responden**

	Perkara	Kekerapan (n)	Peratus (%)
<b>Umur</b>	13- 15 Tahun	70	100.00
	16-17 Tahun	0	0.00
<b>Jantina</b>	Lelaki	23	32.9
	Perempuan	47	67.1
<b>Bangsa</b>	Melayu	13	18.6
	Cina	1	1.4
	Bumiputera Sabah	33	47.1
	Lain-lain	23	32.9
<b>Jenis Sekolah</b>	Sekolah Kebangsaan Menengah	68	97.1
	Sekolah Menengah Kebangsaan Agama	2	2.9
<b>Purata Pendapatan Bulanan</b>	Kurang dari RM 2500	65	92.9
	RM 2501-RM 3169	5	7.1
<b>Melanggan Internet</b>	Ya	47	67.1
	Tidak	23	32.9

Jadual 2 menunjukkan demografi responden. Kesemua responden berusia 13 tahun dan merupakan murid tingkatan 1 yang menerima KWAMP. Berdasarkan jantina, seramai 23 orang responden iaitu sebanyak (32.9 %) merupakan murid lelaki manakala seramai 47 orang responden (67.1%) merupakan murid perempuan. Dari aspek bangsa, seramai 33 orang (47.1%) responden merupakan bumiputera Sabah, 23 orang responden (32.9%) berbangsa lain-lain, 13 orang responden (18.65) berbangsa Melayu dan hanya seorang responden (1.4%) berbangsa Cina. Dari aspek sekolah, kebanyakan responden bersekolah di sekolah menengah kebangsaan iaitu sebanyak 68 orang (97.1%) dan hanya 2 orang responden (2.9%) bersekolah di sekolah menengah agama. Purata pendapatan bulanan keluarga kurang dari RM2500 merekodkan seramai 65 orang responden iaitu sebanyak (92.9%), manakala seramai 5 orang responden mempunyai pendapatan bulanan keluarga antara RM2501 hingga RM3169 iaitu sebanyak (7.1%). Bagi aspek langganan internet, seramai 47 orang responden melanggan internet iaitu sebanyak (67.1%) manakala seramai 23 orang responden tidak melanggan internet iaitu sebanyak (32.9%). Keseluruhannya, responden yang melanggan internet merupakan jumlah yang ramai daripada kesemua responden.

Pengumpulan data dibuat dengan menggunakan kaedah kuantitatif. Data diperolehi melalui penggunaan instrumen soal selidik. Soal selidik ini hanya membabitkan murid terpinggir Tingkatan 1 yang menerima KWAMP sahaja. Skala Likert lima tahap digunakan bagi menunjukkan tahap persetujuan persepsi pelajar mengenai pembelajaran berbantuan teknologi. Skala Likert itu diperincikan sebagai STS = Sangat Tidak Setuju, TS = Tidak Setuju, TP = Tidak Pasti, S = Setuju dan SS = Sangat Setuju. Data kajian ini dianalisis dengan menggunakan perisian Statistical Package for Social Science (SPSS) yang melibatkan statistik deskriptif, iaitu min, kekerapan dan peratusan. Untuk tujuan interpretasi data, kajian ini mengkategorikan kepada tiga mata (Rudzi, 2003) seperti Jadual 3 dibawah:

**Jadual 3: Interpretasi Skor Min**

Skor Min	Tafsiran
1.00 hingga 2.33	Rendah
2.34 hingga 3.67	Sederhana
3.68 hingga 5.00	Tinggi

**Jadual 4: Perspektif Murid terhadap Pembelajaran Berbantuan Teknologi**

Bil.	Item	STS (%)	TS (%)	TP (%)	S (%)	SS (%)	Min
1.	Saya bersedia untuk mengikuti pembelajaran berbantuan teknologi.	2 (2.9)	3 (4.3)	14 (20.0)	36 (51.4)	15 (21.4)	<b>3.84</b>
2.	Saya dapat meningkatkan kemahiran belajar saya melalui pembelajaran berbantuan teknologi.	6 (8.6)	12 (17.1)	28 (40.0)	17 (24.3)	7 (10.0)	<b>3.10</b>
3.	Saya berpuas hati dengan penilaian yang dilaksanakan melalui pembelajaran berbantuan teknologi.	2 (2.9)	9 (12.9)	13 (18.6)	29 (41.4)	17 (24.3)	<b>3.71</b>



4.	Saya dapat belajar dengan baik melalui pembelajaran berbantuan teknologi.sewaktu tempoh berkurung dilaksanakan	5 (7.1)	17 (24.3)	18 (25.7)	20 (28.6)	10 (14.3)	<b>3.19</b>
5.	Saya lebih suka mengikuti pembelajaran berbantuan teknologi berbanding pembelajaran bersemuka didalam kelas.	20 (28.6)	16 (22.9)	17 (24.3)	7 (10.0)	10 (14.3)	<b>2.59</b>
6.	Pembelajaran bersemuka di dalam kelas adalah penting untuk pembelajaran praktikal	1 (1.4)	-	7 (10.0)	14 (20.0)	48 (68.6)	<b>4.54</b>
7	Saya menghadapi masalah teknikal untuk mengikuti pembelajaran berbantuan teknologi.	8 (11.4)	12 (17.1)	13 (18.6)	17 (24.3)	20 (28.6)	<b>3.41</b>
8.	Saya suka belajar melalui pembelajaran berbantuan teknologi.	7 (10.0)	21 (30.0)	18 (25.7)	17 (24.3)	7 (10.0)	<b>2.94</b>
9.	Saya dapat menambah ilmu pengetahuan saya dengan lebih baik pembelajaran berbantuan teknologi.	4 (5.7)	18 (25.7)	25 (35.7)	16 (22.9)	7 (10.0)	<b>3.06</b>
10.	Pembelajaran berbantuan teknologi penting untuk memastikan pembelajaran dapat diteruskan walaupun dalam tempoh berkurung.	2 (2.9)	4 (5.7)	10 (14.3)	25 (35.7)	29 (41.4)	<b>4.07</b>

Berdasarkan jadual tersebut, terdapat 4 item berada pada tahap tinggi. Item yang berada tahap tinggi ialah item 6,10, 1 dan 3. Huraian terperinci berdasarkan keempat-empat item adalah seperti berikut: Item 6 menunjukkan nilai min berada pada tahap yang tinggi (min= 4.54). Dapatan ini menunjukkan sebanyak 88.6% responden adalah bersetuju mengenai pembelajaran bersemuka di dalam kelas adalah penting untuk pembelajaran praktikal. Item 10 turut menunjukkan (min= 4.07). Dapatan ini menunjukkan sebanyak 77.1% responden adalah bersetuju menyatakan kepentingan pembelajaran berbantuan teknologi adalah penting untuk memastikan pembelajaran dapat diteruskan walaupun dalam tempoh berkurung. Item 1 menunjukkan (min= 3.84). Dapatan ini menunjukkan sebanyak 71.4 % orang responden bersedia untuk mengikuti pembelajaran berbantuan teknologi. Item 3 menunjukkan (min= 3.71). Hasil dapatan dari item ini menunjukkan sebanyak 60% responden menyatakan mereka berpuas hati dengan penilaian yang dilaksanakan melalui pembelajaran berbantuan teknologi.

Berdasarkan jadual 4 juga, terdapat 6 item berada pada tahap sederhana. Item yang berada pada tahap sederhana ialah item 7, 4 , 2, 9, 8, dan juga 5. Huraian terperinci mengenai item terbabit adalah seperti berikut: Item 7 menunjukkan (min= 3.41) pada tahap sederhana. Dapatan daripada item menunjukkan 52.9 % responden mengalami masalah teknikal sewaktu mengikuti pembelajaran berbantuan teknologi. Item 4 menunjukkan (min = 3.19). Dapatan item ini menunjukkan seramai 30 orang responden iaitu sebanyak (42.9%) menyatakan mereka dapat belajar dengan baik melalui pembelajaran berbantuan teknologi sewaktu tempoh berkurung dilaksanakan. Item 2 menunjukkan (min = 3.10) Berdasarkan dapatan item ini, seramai 38 orang responden berasa tidak pasti sama ada kemahiran belajar mereka dapat ditingkatkan melalui pembelajaran berbantuan teknologi. Item 9 menunjukkan (min= 3.06). Hasil dapatan

item ini menunjukkan seramai 25 orang responden (35.7%) berasa tidak pasti sama ada responden dapat menambah ilmu pengetahuan mereka dengan lebih baik melalui pembelajaran berbantuan teknologi. Item 8 menunjukkan (min = 2.94). Hasil dapatan item ini menunjukkan seramai 28 orang (40.0%) responden kurang gemar untuk belajar melalui pembelajaran berbantuan teknologi. Item 5 menunjukkan (min= 2.59). Dapatan item menunjukkan seramai 36 orang responden (51.5%) menyatakan mereka lebih suka mengikuti pembelajaran bersemuka didalam kelas berbanding pembelajaran berbantuan teknologi.

Kesimpulannya, murid terpinggir bersedia mengikuti pembelajaran berbantuan teknologi sewaktu tempoh berkurung dilaksanakan sewaktu pandemik COVID-19 serta murid terpinggir bersedia untuk mengikuti pembelajaran berbantuan teknologi, namun begitu, murid terpinggir lebih mengemari pembelajaran bersemuka didalam kelas berbanding pembelajaran berbantuan teknologi.

**Jadual 5: Analisis Frekuensi dan Peratusan Responden Berdasarkan Penggunaan Pelantar Pembelajaran**

Pelantar	Kekerapan (n)	Peratus (%)
<i>Google classroom</i>	9	12.9
<i>Whatsapp</i>	37	52.9
<i>Telegram</i>	3	4.3
<i>Zoom</i>	3	4.3
<i>Google Meet</i>	3	4.3
<i>Youtube</i>	3	4.3
<i>Quizziz</i>	10	14.3
<i>Kahoot</i>	2	2.9
Jumlah	70	100.0

Berdasarkan Jadual 5, seramai 37 orang responden (52.9%) gemar menggunakan aplikasi *Whatsapp* untuk mengikuti pembelajaran atas talian, 10 orang responden ( 14.3%) menggunakan *Quizziz*, 9 orang responden ( 12.9%) menggunakan *Google Classroom*, manakala bagi aplikasi *Telegram*, *Zoom*, *Google Meet* dan *Youtube* masing-masing dengan 3 orang responden iaitu sebanyak (4.3%) bagi setiap aplikasi. Hanya 2 orang responden (2.9%) suka menggunakan aplikasi *Kahoot*.

Kesimpulannya, murid terpinggir gemar menggunakan aplikasi *Whatsapp* bagi mengikuti pembelajaran berbantuan teknologi kerana ianya mudah digunakan, serta capaiannya yang pantas. Murid terpinggir mudah untuk berkongsi hasil kerja mereka secara langsung kepada guru subjek serta mudah untuk bertanyakan soalan.

**Jadual 6: Analisis Frekuensi dan Peratusan Responden Berdasarkan Alat Teknologi yang digunakan**

Pelantar	Kekerapan (n)	Peratus (%)
Laptop	4	5.7
Telefon Pintar	49	70.0
Laptop dan Telefon Pintar	12	17.1
Laptop dan Komputer	1	1.4
Laptop, Komputer dan Telefon Pintar	4	5.7
Jumlah	70	100.0

Jadual 6 menunjukkan penggunaan alat teknologi yang digunakan oleh responden bagi mengikuti pembelajaran berbantuan teknologi. Seramai 49 orang responden ( 70.0%) gemar menggunakan telefon pintar, 12 orang responden ( 17.1%) menggunakan laptop dan telefon, 4 orang responden ( 5.7%) menggunakan laptop serta jumlah yang sama bagi penggunaan laptop, komputer, dan telefon pintar dan hanya 1 orang responden yang suka menggunakan laptop dan komputer. Kesimpulannya, murid terpinggir gemar menggunakan telefon pintar sebagai alat teknologi bagi mengikuti pembelajaran berbantuan teknologi. Hal ini kerana, hampir kesemua murid mempunyai akses kepada telefon pintar sama ada milik mereka sendiri atau berkongsi alat teknologi bersama ibubapa atau adik beradik yang lain.

### Objektif Kajian 2

Bagi menjawab persoalan kajian yang kedua, ujian t sampel bebas telah dijalankan untuk melihat perbezaan perspektif murid terhadap pembelajaran berbantuan teknologi berdasarkan faktor jantina.

**Jadual 7: Perbezaan perspektif murid terpinggir terhadap pembelajaran berbantuan teknologi berdasarkan faktor jantina**

Demografi	Faktor	n	Min	Sisihan Piawai	df	t	sig
Jantina	Lelaki	23	3.2435	.73967	68	-1.768	.082
	Perempuan	47	3.5447	.63342			

Jadual 7 menunjukkan ujian t sampel bebas dijalankan untuk melihat perbezaan perspektif murid terpinggir terhadap pembelajaran berbantuan teknologi berdasarkan faktor jantina. Berdasarkan jadual, nilai (*p*) Sig. (2-Tailed) ialah 0.82 iaitu nilai yang lebih besar daripada nilai  $\alpha = .05$ . Maka dapat diberi kesimpulan bahawa  $H_0$  gagal untuk ditolak.  $t(68) = -2.768$ ,  $p = .082$ ,  $p > 0.05$ . Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara perspektif murid terpinggir terhadap pembelajaran berbantuan teknologi berdasarkan faktor jantina. Perspektif murid terpinggir lelaki terhadap pembelajaran berbantuan teknologi ialah nilai min  $\mu = 3.2435$  serta nilai SP = .73967. , manakala perspektif murid terpinggir perempuan terhadap pembelajaran berbantuan teknologi ialah, nilai min  $\mu = 3.5447$  serta nilai SP = .63342.

Berdasarkan dapatan kajian ini dapat dirumuskan bahawa tidak terdapat perbezaan perspektif murid terpinggir berasaskan faktor demografi (jantina) bagi murid terpinggir lelaki dan murid terpinggir perempuan.

### **Implikasi Kajian**

Pembelajaran berbantuan teknologi adalah bertujuan untuk memastikan murid-murid tidak ketinggalan dengan aktiviti pembelajaran sewaktu pandemic COVID-19. Walaupun banyak kajian yang dilaksanakan, ia lebih menjurus kepada pelajar-pelajar yang berada di universiti dan juga penggunaan teknologi sewaktu berada disekolah. Tambahan pula masih kurang kajian yang berfokuskan kepada murid-murid terpinggir sekolah menengah, maka kajian ini telah mengisi kelompangan tersebut. Kleickmann et al., (2013) menjelaskan bahawa pengetahuan berupaya meningkatkan amalan professional. Kajian ini dapat memberi pengetahuan kepada Kementerian Pelajaran Malaysia tentang perspektif murid terpinggir terhadap pembelajaran berbantuan teknologi yang giat dijalankan sewaktu pandemic COVID-19 ini. Pembelajaran berbantuan teknologi adalah salah satu medium pembelajaran yang perlu dititikberatkan bagi memastikan murid-murid dapat mengikuti aktiviti pembelajaran seperti murid-murid yang lain. Kajian ini juga boleh menjadi pendorong kepada KPM untuk menyediakan fasiliti yang berkaitan, membangunkan modul yang bersesuaian bagi kegunaan murid-murid terpinggir dalam mengikuti aktiviti pembelajaran khususnya agar tidak ketinggalan.

### **Rumusan**

Pendidikan memainkan peranan yang penting dalam sesebuah negara. Peluang pendidikan sama rata telah diwujudkan oleh KPM bagi memastikan murid-murid mendapat akses kepada pendidikan tidak kira latar belakang murid tersebut. Pandemik COVID-19 telah mengubah medium pembelajaran diseluruh dunia dan tidak terkecuali Malaysia. KPM telah mengeluarkan arahan pembelajaran dan pengajaran di rumah (PdPr) dilaksanakan sewaktu pandemik COVID-19. Murid-murid terpinggir ini berasa terbeban dengan PdPr kerana faktor kemiskinan yang mereka hadapi. Murid-murid ini tidak mempunyai ruang kondusif untuk belajar serta alat peranti untuk mengikuti pembelajaran berbantuan teknologi seperti murid-murid lain yang mampu. Ini membuatkan murid-murid lebih cenderung kepada pembelajaran bersemuka disekolah. Namun begitu, murid-murid ini masih bersedia untuk mengikuti pembelajaran berbantuan teknologi kerana mengetahui kepentingan ilmu pendidikan. Kajian ini adalah signifikan dalam menyediakan kajian pengetahuan bagi memberi pengetahuan kepada pemegang taruh agar dapat menyediakan keperluan dan fasiliti yang berkaitan bagi membantu murid-murid terpinggir ini mengikuti aktiviti pembelajaran tanpa rasa terbeban. Diharapkan murid-murid terpinggir ini turut berasa seronok dengan pendekatan pembelajaran berbantuan teknologi. Disamping itu, cadangan kajian lanjutan agar dapat memperluaskan lokasi dan responden kajian tidak dihadkan kepada murid Tingkatan 1 sahaja turut diutarakan agar kajian lanjutan dapat membantu dapatan kajian yang sedia ada. Seterusnya, kajian ini dapat dijadikan panduan kepada pihak KPM dalam memastikan akses murid kepada pendidikan dapat dicapai.

## Rujukan

- Ahmad Johari S. & Norbaizura S. (2010). Pelaksanaan E-Pembelajaran Dikalangan Pelajar Fakulti Pendidikan Dan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal Universiti Teknologi Malaysia, Skudai . diakses pada 2 Jun 2020 <http://eprints.utm.my/id/eprint/11478/>
- Alizah L. & Zamri M. (2015). Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu Berpusatkan Pelajar di Institusi Pengajian Tinggi: Pelaksanaan dan Penerimaan Pelajar, *Jurnal Personalia Pelajar* , 18(1), 1-9
- Ani O. (2016). Integrasi Teknologi dalam Pengajaran dan Pembelajaran Kesusasteraan Melayu Mempertingkatkan Keyakinan dan Keberhasilan Guru Semasa Latihan Mengajar. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 9, 13-25
- Azizi Y., Peter V., Ismail M. & Mohd Dahlan A. M. (2017). *Kaedah Penyelidikan dalam Pendidikan*. Terbitan: Universiti Pendidikan Sultan Idris
- Bahagian Pembangunan Kurikulum,(2012). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (Pendidikan Prasekolah Hingga Lepas Menengah)* .Putrajaya: Terbitan Kementerian Pendidikan Malaysia
- Bond, T. G., & Fox, C. M. (2015). *Applying The Rasch Model Fundamental Measurement in the Human Sciences*. Routledge & T. & F. Group, Eds. Third Edition. New York & London.
- Creswell, J.W. (2008). *Educational research planning, conducting, and evaluating quantitative and qualitative research*. 3rd Edition. New Jersey: Published by Pearson Prentice Hall.
- Dunn, C., Dale, C., & Karen, R. (2004). Variables affecting students' decision to drop out of school. *Remedial And Special Education*, 25(5), 314-323.
- Gavin J.W. (2019). The Use of Mobile Devices in Language Learning: A Survey on Chinese University Learners' Experiences. *Call E-J*. 20 (3), 6-20
- Halim, M. S. A. A., & Hashim, H. 2019. Integrating web 2.0 technology in ESL classroom: A review on the benefits and barriers. *Journal of Counseling and Educational Technology* 2(2): 1-8.
- Hassan N. K. (2015). Satu Analisis Mengenai Dikotomi Antara Kemiskinan Bandar dan Luar Bandar Di Malaysia, *Perspektif Journal* , 4(1), 1-21
- Idrus H. & Salleh R. (2017). Perceived Self-Efficacy of Malaysian ESL Engineering and Technology Students on Their Speaking Ability and Its Pedagogical Implications. *The English Teacher*. XXXVII, 61 – 75.
- Kleickmann, T., Richter, D., Kunter, M., Elsner, J., Besser, M. et al.(2013). Teachers' content knowledge and pedagogical content knowledge: The role of structural differences in teacher education. *Journal of Teacher Education*, 64(1) ,90-106
- Mohd Aris O.(2007). Keberkesanan kaedah pengajaran berbantuan komputer di kalangan pelajar pencapaian akademik rendah bagi mata pelajaran Geografi Tingkatan 4 di Negeri Sembilan Tesis Ijazah Doktor Fal. Universiti Sains Malaysia
- Mohd Fadzil Abd. R.& Ishak Ab. G. (2007). Migrasi Dan Kemiskinan Bandar: Suatu Kajian Literatur Seminar Kebangsaan Pembangunan Persekitaran & Masyarakat
- Mohd Najib Abd. G. (2003). Rekabentuk Tinjauan Soal Selidik Pendidikan. Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia
- Mohd. Noorhadi M.Y. & Zurinah Tahir.(2017). Kepentingan penggunaan media sosial teknologi maklumat dalam pendidikan IPTA. *Journal of Social Sciences and Humanities*,12(3)
- Morat, N., Shaari, A., & Abidin, M. J. Z. (2016). Facilitating ESL learning using Youtube: Learners' motivational experiences (pp. 23). Banda Aceh, Malaysia: Association of

- Malaysian Researchers and Social Services Faculty of Teacher Training and Education, Universitas Syiah Kuala, Darussalam.
- Musrifah S dan Jamaludin. (2015). Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu Tahun Enam Berbantuan Web 2.0. Prosiding Seminar Serantau Pascasiswazah Pendidikan Bahasa Melayu & Kesusasteraan Melayu Kali Kedua. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nur Aisyah M.N., and Zamri M., and Afendi H, and Mohamed Amin E.(2012). Persepsi pelajar terhadap aplikasi perisian multimedia dalam pembelajaran komsas bahasa melayu tingkatan 1. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu ;Malay Language Education (MyLEJ)*, 2 (1),1-16.
- Rana H. & Zamri M. (2017). Aplikasi Google Plus dalam pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) Bahasa Melayu murid sekolah rendah. Prosiding Seminar Serantau
- Robinson, G. M. (1998). *Methods and Techniques in Human Geography*. Chichester: John Wiley & Sons.Sdn Bhd
- Rudzi M. (2003). Penilaian Program Diploma Kesetiausahaan Eksekutif di Universiti Teknologi MARA. Unpublished Tesis Ph.D., Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi
- Siti Hajar H. & Hamidah S. (2016). Modul Pendidikan Murid Menengah Miskin Bandar Berasaskan Teknologi Maklumat Dan Komunikasi: Aplikasi Fuzzy Delphi. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 4(1), 56-63
- Unicef. (2018). *Kanak-kanak Pinggiran* . Putrajaya: United Nations Children’s Fund,Malaysia.
- Unit Pelaksanaan dan Prestasi Pendidikan.(2018). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 Laporan Tahunan 2017*. Putrajaya. Terbitan: Kementerian Pendidikan Malaysia
- Wan Nor Azriyati W. Abd. A., Faizah A. , Noor Rosly H. & Wang H. K. (2011). Pembasmian Kemiskinan Bandar ke arah Bandar Inklusif dan Sejahtera: Cabaran Kuala Lumpur. *Journal of Surveying, Construction & Property*. 2.2(1), 1-23
- Wang, Y. P. (2004). *Urban poverty, housing and social change in China*. New York: Routledge.
- Yunus, F. Amin N. (2015). *Pembangunan model Pemindahan Pembelajaran Sistem Latihan Kemahiran Malaysia Berasaskan National Occupational Skill Standard (Noss)*. Terbitan: Universiti Kebangsaan Malaysia.